

**“Saya perlu lebih banyak  
menjalani latihan untuk  
menjadi lebih bagus dalam  
acara ini  
Leong Mun Yee**

13-03-2018

arena

73

HARIAN METRO

# Prestasi okey!

■ **Mun Yee tidak ralat gagal menang pingat di Beijing bersama Dhabitah**

Mohd Khairie Khalid  
khairie@nstp.com.my

Kuala Lumpur

**P**enerjun negara, Leong Mun Yee tidak 'patah hati' meskipun dia dan pasangannya Nur Dhabitah Sabri tidak memenangi pingat acara 3 meter (m) papan anjal seirama wanita dalam Siri Dunia di Beijing, China pada Jumaat lalu.

Bagi Mun Yee sejak peringkat awal dia tidak meletakkan sebarang sasaran apatah lagi ketika kali pertama bergandingan bersama Nur Dhabitah dalam acara berkenaan.

“Sebenarnya dalam acara ini kami tidak meletakkan apa-apa sasaran tapi persembahan

OK, bagus. Juru-latih pun berpuas hati dengan persembahan kami.

“Ini kali pertama saya bergandingan bersama Nur Dhabitah selepas sudah lama tidak beraksi dalam acara papan anjal. Agak susah kerana kekuatan saya lebih kepada platform, bukan papan anjal,” kata Mun Yee yang mengutip 282.84 mata bersama Nur Dhabitah untuk menamatkan saingan di kedudukan kelima pada aksi final di Beijing.

Pingat emas acara ini menjadi milik Yiwen Chen-Wang Han dari China dengan kutipan 336.12, perak dimenangi Esther Qin-Anabelle Smith dari Australia (297.60), sementara gangsa milik Jennifer Abel-Melissa Citri-

“

Agak susah kerana kekuatan saya lebih kepada platform, bukan papan anjal”

Leong Mun Yee

ni Beaulieu dari Kanada (292.74).

Mengulas lanjut, Mun Yee berkata, persiapan untuk acara berkenaan juga agak singkat memandangkan dia kini memikul tanggungjawab menggantikan Wendy Ng Yan Yee yang digantung kerana positif penggunaan sibutramine.

Wendy Ng digantung selama lapan bulan oleh Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA), menyaksikan tarikh hukuman itu berkuat kuasa pada 26 Ogos tahun lalu dan

akan tamat pada 26 April ini.

“Persiapan untuk acara ini agak singkat kerana saya menggantikan Wendy malah kemampuan saya pun agak terhad. Saya perlu lebih banyak menjalani latihan untuk menjadi lebih bagus dalam acara ini.

“Saya tidak pasti berapa lama akan menggantikan Wendy tetapi untuk empat Siri Dunia (China, Jepun, Kanada, Russia) dan Sukan Komanwel saya akan beraksi bersama Dhabitah dalam acara 3m papan anjal seirama,” katanya.

Mun Yee berkata, untuk temasya di Gold Coast bulan depan, dia juga akan beraksi bersama Nur Dhabitah dalam acara 10m platform seirama wanita.



MUN Yee

DHABITAH